

Ruj. Kami: UTM(S) J.01.01/10.14/241Jd.21(95)
Tarikh : 25 Mei 2021

Puan Nor Asikin binti Mohamad
Menjalankan Fungsi Ketua Pustakawan
Jabatan Perpustakaan
Universiti Teknologi Malaysia
Johor Bahru

Assalamualaikum, Puan,

**PELANTIKAN SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa seperti mana peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) Universiti Teknologi Malaysia (2010) di bawah Seksyen 23 (1) (g), **Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang hendaklah terdiri daripada mana-mana pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.**

3. Sehubungan dengan itu, Puan adalah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) berkuat kuasa mulai **25 Mei 2021**. Tugas dan peranan ahli JPU adalah seperti mana peruntukan dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada, Perlembagaan) Universiti Teknologi Malaysia (2010) di bawah Seksyen 23 (2) iaitu **Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah menasihati Naib Canselor berhubung dengan fungsi pentadbiran dan pengurusannya.**

4. Bagi pihak Universiti, saya mengucapkan tahniah dan diharapkan agar Puan dapat memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan Universiti.

Sekian, terima kasih.

"Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19"

"Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAIZI BIN ISMAIL)
Naib Canselor